

## KEPENTINGAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU

Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan merupakan satu program yang memupuk kesedaran dan memartabatkan Bahasa Melayu. Pelaksanaan program ini adalah untuk mendidik masyarakat berbilang bangsa agar dapat menyemarakkan dan seterusnya memartabatkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai aspek.

Sambutan yang dilaksanakan setiap tahun di setiap negeri merupakan usaha murni yang perlu diberi sokongan dan kerjasama untuk menjayakannya.

Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Tengah merupakan agensi yang bertanggungjawab melaksanakan program Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan di Negeri Sembilan. Alhamdulillah, Majlis Perasmian Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Negeri Sembilan telah dilaksanakan dengan lancar pada 13 Oktober 2015.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan turut meraikan dengan menganjurkan Program Merentas Bahasa yang dilaksanakan pada 24 Oktober 2015 di Perpustakaan Desa Kampung Kuala Serdang, Kuala Pilah.

Bahasa dan budaya bergerak seiring. Oleh itu, bahasa sangat penting kerana bahasa mampu mempengaruhi budaya sesebuah masyarakat selain menjadi faktor jatuh dan bangunnya sesebuah negara bangsa. Bahasa melayu juga menjadi bahasa komunikasi yang lazim digunakan oleh rakyat untuk berhubung antara satu sama lain.




**1 Bahasa Bangsa Negara**

“Martabatkan Bahasa”

**PENGUMUMAN BERMULA 1 JANUARI 2015\***



**KEAHLIAN PERPUSTAKAAN ADALAH PERCUMA !!**

**REBUTLAH PELUANG INI UNTUK MENDAFTARKAN DIRI DAN AHLI KELUARGA SEBAGAI AHLI PERPUSTAKAAN DI SEMUA 85 PUSAT PERKHIDMATAN KAMI DI SELURUH NEGERI SEMBILAN**

\*Tarikh berakhir akan diumumkan kemudian

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI



TEMUI KAMI DI:

**f Find us on Facebook**

Perbadanan Perpustakaan Awam, Negeri Sembilan

**1**



**“BANGSA MEMBACA 1 MALAYSIA BERJAYA”**

[www.nslibrary.gov.my](http://www.nslibrary.gov.my)  
Diterbitkan setiap bulan oleh :  
Perbadanan Perpustakaan Awam,  
Negeri Sembilan

# BUKU TERKINI DI PPANS




**Judul** : Kalimah Toyyibah  
**Pengarang** : B. Irwan,  
**No. Panggilan** : J 297.18 BIR  
**Bahagian** : Pinjaman (Kanak-kanak)  
**Harga** : 31.90  
**Penerbit** : Ana Muslim Snd Bhd,  
**M/S** : 48ms




**Judul** : Siri Jurnal: Senyumlah Wahai Hati  
**Pengarang** : Prof. Muhaya Mohamad  
**No. Panggilan** : 920.02 MUH  
**Bahagian** : Pinjaman ()  
**Harga** : 15.00  
**Penerbit** : As-Sohwah Publication,  
**M/S** :



**Judul** : Reka Bentuk Poster Terbaik Melalui Photoshop:  
**No. Panggilan** : 006.686 REK  
**Bahagian** : Pinjaman (Dewasa)  
**Harga** : 15.90  
**Penerbit** : Synergy Media ,  
**M/S** : 148ms



**Judul** : Hijabsista Hijrahsista  
**Pengarang** : Bahruddin Bekri  
**No. Panggilan** : 297.5674082 BAH  
**Bahagian** : Pinjaman (Dewasa)  
**Harga** : 18.00  
**Penerbit** : PTS Publishing House,  
**M/S** : 131ms



**Judul** : Kimchi untuk awak!  
**Pengarang** : Suri Ryana  
**No. Panggilan** : MF SUR  
**Bahagian** : Pinjaman (Dewasa)  
**Harga** : 29.00  
**Penerbit** : Kaki Novel  
**M/S** : 728

## SIDANG PENGARANG BULETIN

### PENAUNG

Y.B. Dato Haji Mat Ali bin Hassan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

### PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

### KETUA PENGARANG

Norasykin binti Yusof Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

### SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail  
 Siti Juhaida binti Husin  
 Amar Affizi bin Aziz  
 Ketua-Ketua Bahagian  
 Ketua-Ketua Unit  
 Ketua-Ketua Zon

### PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh Unit Perhubungan Awam, PPANS

### REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

### JURUFOTO

Unit Media PPANS

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus  
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308  
 Faks : 06-763 5944  
 E-Mel : proppans2014@gmail.com  
 Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

\*\*\*\*\*

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

## ULASAN BUKU

**Tajuk** : Senyumlah Wahai Hati  
**Penerbit** : As-Sohwah  
**Pengarang** : Prof. Muhaya Mohamad  
**ISBN** : 9555727100072

### Sinopsis:

Buku yang ditulis oleh Prof. Muhaya ini boleh membantu masyarakat hidup bersama hati yang bersih dan jauh daripada perasaan-perasaan yang buruk. Menurut Islam, terdapat hadis yang menyatakan tentang jenis-jenis hati, di mana ianya terbahagi kepada 4 jenis iaitu hati muttaqin, hati orang munafik, hati orang fasik dan hati orang kafir.

Hati umpama akar kepada pokok-pokok amalan seseorang manusia di mana jika hati seseorang itu baik dan bersih maka amalan seharian seseorang itu turut bersih dan baik seperti hatinya begitu juga sebaliknya jika hati seseorang itu tidak bersih. Oleh itu, dengan izin Allah melalui jurnal ini sedikit sebanyak akan membantu pengguna untuk memperoleh hati yang baik. Oleh itu, mempunyai hati yang bersih adalah kunci kepada sifat luaran yang baik.

Dapatkan buku ini di Zon Dewasa, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

## GLOSARI ADAT

### Berinaik Colek

Upacara berinaik yang dilakukan untuk pengantin perempuan sahaja. Tiada tetamu diundang ketika upacara ini dilaksanakan, hanya kaum keluarga dan sahabat handai sahaja meraikan majlis tersebut.

### Getang Batang

Perhubungan persaudaraan yang sangat dekat antara dua orang, waris terdekat

### Gagauan


Menjerit, Berteriak

### Berjinjang Naik [bonjongang naik]



Aturan atau perjalanan atau tatacara melaksanakan sesuatu daripada peringkat bawah ke atas iaitu anak buah kepada Buapak, Buapak kepada Lembaga dan Lembaga kepada Undang / Penghulu

### Boko Besar [Boko Bosa]

Sedulang pulut dengan 20 biji telur dan seekor ayam panggang yang dibawa oleh pengantin perempuan semasa pergi menyalang ke rumah mertua. Bekas ini dibalut dan diberi ikatan kepala patung. Persembahan atau hadiah khas untuk mertua ini dikenali juga sebagai nasi besar.



Grup Sayangi Perpustakaan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan mengamalkan konsep 'Turun Padang' dengan menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan. Konsep ini adalah untuk menarik minat golongan kanak-kanak dan remaja untuk membaca. Di samping memberikan pelbagai maklumat berkaitan perkhidmatan perpustakaan, GSP juga menyediakan pelbagai permainan interaktif yang dapat membina pemikiran dan mencungkil bakat kepimpinan pelajar. Bahan-bahan pembelajaran yang digunakan menguji pelajar dari segi Kemahiran Bahasa, Kemahiran Jawi dan Pengetahuan Am.



## INFO TAHUKAH ANDA?

### TAHUKAH ANDA APA KANDUNGAN ISI JEREBU?

Tahukah anda apakah kandungan yang terdapat dalam asap jerebu serta beza antara zarah jerebu 10 mikron atau jirim zarah, PM10 dan PM2.5?

Kajian membuktikan zarah yang amat halus adalah ancaman berbahaya kepada kesihatan manusia.

Antaranya zarah jerebu dalam julat saiz 2.5 mikron apabila disedut secara terus ke dalam badan manusia boleh mengakibatkan kerosakan paru-paru.

Zarah dalam julat saiz 2.5 Diameter x20 lebih kecil

Purata diameter satu zarah 10 mikron atau 'particulate matter' PM10

Diameter rambut manusia berukuran 50-70 mikron



#### ZARAH 10 MIKRON



Asap kenderaan Habuk kilang

berada di ruang udara lebih singkat dan mampu bergerak menjangkau jarak hingga 50 kilometer



disekat di luar hidung manusia.

#### ZARAH 2.5 MIKRON



Pembakaran organik Logam berat organik

berada di ruang udara lebih lama sehingga beberapa minggu dan boleh bergerak hingga beratus kilometer



boleh memasuki saluran pernafasan dan mampu merencatkan kesihatan paru-paru.

## PEMANTAPAN AUDIT DALAMAN : ISO 9001:2008

Kursus meningkatkan dan mengekalkan kualiti Pengurusan PPANS dihadiri oleh seramai 25 orang kakitangan PPANS, Kumpulan Audit Dalam PPANS hadir kursus Audit Dalam ISO 9001: 2008. Kursus ini dikendali oleh konsultan NIOSH CERTIFICATION SDN. BHD. pada 10 & 11 September 2015.




## PERHIMPUNAN ERAT PERPADUAN WARGA PPANS

Perhimpunan Warga PPANS Bil 3. Tahun 2015 pada 14 September 2015. Perkongsian Ilmu daripada Tuan Mohd Suhaimi bin Mohd Din mengenai "Erti Kemerdekaan dan Cabaran Masa Depan", Ustaz Ahmad Azlan bin Raihan dari Jabatan Mufti Negeri mengenai "Ibadah Korban dan Penghayatannya" dan juga Sambutan Hari Lahir Kakitangan PPANS.



## PERASMIAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Majlis Perasmian Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan telah dirasmikan oleh YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 15 Oktober 2015. Turut hadir ialah YB. Dato' Tahar bin Sudin, Pegawai Kewangan Negeri Sembilan dan Dr. Amran Jones, Ketua Akademi Dewan Bahasa dan Pustaka.



## PROGRAM RIANG RIA CUTI SEKOLAH SEPTEMBER 2015

Adik-adik cuti sekolah tak lama lagi akan menyusul kan..wah seronoknya..apa kata adik-adik luangkan masa datang ke Perpustakaan Awam Negeri Sembilan cuti sekolah ini. Pelbagai aktiviti dan hadiah menarik menanti adik-adik. Pelbagai aktiviti menarik disediakan sepanjang cuti sekolah di PPANS, 'Lets Enjoy'.



## KUNJUNGAN HORMAT DATUK ALI TAN SRI ABDUL KADIR DI PERPUSTAKAAN TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF TAMAN TASIK JAYA

Pada 20 Oktober 2015 Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusof telah menerima kunjungan hormat dari Y.Bhg. Datuk Ali Tan Sri Abdul Kadir. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan mengucapkan berbilang terima kasih atas kunjungan tersebut. Program dimeriahkan lagi dengan persembahan dari kanak-kanak tadika.




## Let's Fun with Kak Zila

Assalamualaikum adik-adik aktiviti pada kali ini ialah jom belajar cari perkataan Bahasa Inggeris.



## Perpustakaan Masjid

Hai..adik-adik bukan sahaja kita ada buat aktiviti di Perpustakaan Negeri, tetapi Perpustakaan Masjid ada juga menyediakan aktiviti untuk adik..Kalau adik-adik ke masjid jom lah singgah di perpustakaan .



## Kak El ceritalah lagi..

Hari ini adik-adik bersama-sama Kak El untuk mendengar cerita macam seronok je...jomlah adik-adik ke perpustakaan banyak buku yang boleh di baca.



## Jom Kita Buat Cross Word..

'Cross Word' Pelbagai aktiviti menarik yang di sediakan oleh pihak perpustakaan.



# Ekplorasi Bahasa Merentas Desa Perpustakaan Desa Kg. Kuala Serdang


Pada 24 Oktober di Perpustakaan Desa Kg. Kuala Serdang telah diadakan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan.

Program Ekplorasi Bahasa Merentas Desa sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2015 Negeri Sembilan di rasmikan oleh YB Dato' Norhayati Omar Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan merangkap ADUN Pilah serta penyampaian hadiah kepada para peserta. Program ini mendapat kerjasama daripada pelajar UiTM Shah Alam. Pelbagai aktiviti yang menarik telah disediakan dari awal pagi seperti Senamrobik, Pertandingan Karaoke dewasa (lagu lagu patriotik/ puisi), Pertandingan mengoca terbuka, Pertandingan Bijak Bahasa kanak kanak tahap 1, Pertandingan Teka Silang Kata kanak kanak tahap 2, Pertandingan Jemari Kreatif kanak kanak 5-6 tahun dan Pembaca terbanyak kategori dewasa, belia dan kanak kanak.




## RAKAN KECIL PERPUSTAKAAN

Kehadiran rakan kecil dari Tabika Perpaduan Taman Desa Puteri disambut baik, hari ini Perpustakaan Pekan Bahau telah menyediakan Pertandingan Mengenal Abjad.



## MELAKAR WARNA KEMERDEKAAN

Melahirkan jiwa kanak-kanak mencintai negara dengan mengadakan aktiviti Kreativiti Mencerak Warna Kanak-kanak Literasi Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan di Perpustakaan Desa Felda Serting Hilir Kompleks Jempol pada 11 September 2015.



Pertandingan Teka Silang Kata Sejarah Tempatan Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan di Perpustakaan Desa Felda Palong 7 Jempol pada 10 September 2015

## KENALI SEJARAH KITA



## CINTAI NEGERI SEMBILAN


Pertandingan Kreativiti Kenegaraan Ahli Perpustakaan di Perpustakaan Awam Jempol pada 29 September 2015





## JOM CARI MAKLUMAT

Perpustakaan Awam Cawangan Gemas telah mengadakan aktiviti santai iaitu Pertandingan Mencari Maklumat Melalui Bahan Perpustakaan pada 21 September 2015. Penyertaan terdiri dari pelajar Sek.Keb.Tuanku Abdul Rahman,Gemas.





## BERKARYA BERSAMA ADIK ISTIMEWA

Program galak guna perpustakaan bagi bulan pada 7 Oktober 2015 bersama insan istimewa dari pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) Jelai 4. Aktiviti yang diadakan ialah "kraf kreatif" dari tudung saji. Terima kasih kepada guru-guru PDK yang telah memberikan kerjasama...



## KENALI PERPUSTAKAAN KITA

Perpustakaan Awam Cawangan Jelebu telah menerima lawatan sambil belajar dari Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kg. Sungai Muntoh pada 09 Oktober 2015 dengan bilangan murid seramai 35 orang dan 10 orang guru pengiring. Terima kasih diucapkan.



## HARI SUKAN NEGARA DAN SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK SEKOLAH KEBANGSAAN GEMAS 2015

Persembahan Boneka dari Grup Sayangi Perpustakaan telah mengimarahkan majlis Program Hari Sukan Negara dan Sambutan Hari Kanak-Kanak 2015 bertempat di Dewan Anggerik SK Gemas pada 10 Oktober 2015 (Sabtu) telah mendapat sambutan amat menggalakkan daripada pihak sekolah dan ibubapa yang turut serta pada program tersebut. Terima kasih pada gurubesar yang menjemput kami bagi memeriahkan program tersebut.



## AKTIVITI KRAF KREATIF BAHASA SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN

Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson telah melaksanakan aktiviti Kraf Kreatif Bahasa Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan pada 20 Oktober 2015.



### "Creating CHAMPIONS"

Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana dengan kerjasama Perpustakaan Awam Port Dickson telah menganjurkan Program Galakan Membaca dan Promosi Keahlian Perpustakaan di Sekolah Menengah Intan Perdana. 'Creating CHAMPIONS'. Terima kasih diucapkan kepada Guru Besar, guru-guru, semua pelajar dan kakitangan PD Zon 11 yang telah menyumbang tenaga dan masa sepanjang program dijalankan.




### MELAKAR KREATIF BERSAMA ADIK-ADIK

Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson telah menerima lawatan dari Tabika Perpaduan Pekan Lukut pad 17 September 2015 seramai 20 orang dan tiga orang guru pengiring. Aktiviti membuat kad kreatif Sempena Hari Raya Aidiladha dan membaca buku sambil bercerita telah dilaksanakan, setiap peserta telah menerima hadiah atas penyertaan mereka.



### CINTAI ALUR GEMILANG

Pertandingan Kreativiti Kenegaraan Ahli Perpustakaan di Perpustakaan Awam Jempol pada 29 September 2015



# PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

## PROGRAM JELAJAH ICT PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan merasmikan Program Jelajah ICT Peringkat Negeri Sembilan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan di Sekolah Kebangsaan Dato' Akhir Zaman, Rantau pada 30 September 2015.



## PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT SUKAN AKAR UMBI KEBANGSAAN (MYTID) PERINGKAT KEBANGSAAN

YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan bersama Menteri Belia dan Sukan merasmikan Program Pembangunan Bakat Sukan Akar Umbi Kebangsaan (MyTID) Peringkat Kebangsaan di SK Taman Seri Rembau, pada 18 September 2015.



## MAJLIS PELANCARAN KEMPEN TABUNG PAHLAWAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN & MAKAN MALAM BERSAMA PERSATUAN VETERAN ATM NEGERI SEMBILAN



Pada 29 Sept 2015, YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan menyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen Tabung Pahlawan Peringkat Negeri Sembilan dan Makan Malam bersama Persatuan Veteran ATM Negeri Sembilan. Hadir sama Timbalan Menteri Pertahanan YB. Dato' Wira Mohd Johari Baharum.



# PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

## HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan melancarkan Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Sembilan dan menyampaikan Anugerah Sukan serta Sijil Malaysia Book of Records 'The Largest Group Aerobickthon by OKU' di Stadium Mini Kuala Pilah pada 10 Oktober 2015.




## PENYERAHAN KUNCI KEPADA PEMILIK PERUMAHAN TAMAN SILIAU JAYA, PORT DICKSON

13 Oktober 2015, Port Dickson - YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan menyerahkan kunci kepada pemilik perumahan Taman Siliau Jaya, Port Dickson bertempat di Dewan Serbaguna Taman Siliau Jaya yang turut dihadiri Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan.



## MAJLIS PERASMIAN PUSAT JAGAAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK BUDIMAS ORION

Pada 20 Oktober 2015, YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan menyempurnakan Majlis Perasmian Pusat Jagaan Kebajikan Kanak-Kanak Budimas Orion yang dimiliki oleh The Budimas Charitable Foundation di Taman Tasik Jaya 2, Paroi.



## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH DESA SEJAHTERA 1 MALAYSIA (ADS1M) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

20 Oktober 2015, YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan telah menyampaikan hadiah Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia (ADS1M) peringkat Negeri Sembilan di Padang Awam Kampung Serting Ulu, Jempol.

